

# Tempoh 6 bulan yang diberi pada pendatang memadai

(M)  
KUALA LUMPUR 2 Julai — Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kerajaan tetap tidak akan melanjutkan tempoh pendaftaran pendatang asing tanpa izin yang tamat kelmarin.

Bercakap kepada para pemberita hari ini, Dr. Mahathir berkata, tempoh enam bulan yang diberikan oleh kerajaan sebelum ini sudah memadai bagi semua rakyat asing yang bekerja di sini untuk mendaftarkan diri dengan Jabatan Imigresen.

Sementara itu, Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Megat Junid Megat Ayob pula

berkata, masih ada peluang lagi bagi pendatang tanpa izin untuk mendaftar jika kedutaan dan majikan masing-masing sanggup bertanggungjawab terhadap mereka.

Menurutnya, jika kedutaan negara asal pekerja asing tanpa izin memberi jaminan bahawa mereka adalah rakyatnya dan majikan sanggup membayar cukai dan sebagainya, kerajaan mungkin akan beri kebenaran mendaftar.

"Apa yang penting bagi kita ialah menyelesaikan masalah pekerja asing tanpa izin ini segera daripada kita menyimpan mereka lama-lama dan

U.M. - 3 JUL 1992  
mendaatkan masalah kepada negara," katanya kepada para pemberita ketika ditemui selepas Majlis Perasmian Perhimpunan Sambutan Ma'al Hijrah 1413 oleh Yang di-Pertuan Agong, Sultan Azlan Shah di sini, hari ini.

Menurut Megat Junid, beliau difahamkan Kedutaan Indonesia akan memberi secara percuma Sijil Perjalanan Laksana Pasport (SPLP) kepada rakyatnya untuk memudahkan mereka masuk dan bekerja di negara ini.

Kelmarin, beratus ribu pekerja asing tanpa izin menyer

**LIHAT MUKA 2**

## TEMPOH 6 BULAN YANG DIBERI PADA PENDATANG MEMADAI

3 JUL 1992

bu pejabat-pejabat imigresen di seluruh negara dalam percubaan terakhir mereka untuk mendapatkan permit kerja yang sah.

Malangnya, sebaik sahaja tempoh pendaftaran tamat pada pukul 4.30 petang, hanya 300,000 orang pekerja sahaja yang berjaya didaftarkan manakala beribu lagi termangu kebingungan kerana gagal berbuat demikian.

Sementara itu, seramai 342 pendatang tanpa izin telah diberkas setakat ini dalam operasi *Ops Nyah II* yang diperhebatkan pada hari kedua di empat buah negeri.

Dalam gerakan yang dilancarkan di seluruh Negeri Sembilan, polis telah menahan 195 orang pendatang tanpa izin sejak semalam dan mereka kini ditahan di Kem Unit Kawalan Kawasan (UKK) Lenggeng sementara menunggu dihantar pulang ke negara asal masing-masing.

Difahamkan, lain-lain pendatang yang turut ditahan ialah dari India, Thailand dan Bangladesh.

Dalam gerakan itu polis menahan 26 orang pendatang tanpa izin dalam serbuan di beberapa kawasan pembinaan di Port Dickson, hari ini dan semalam.

Mereka terdiri daripada 23 lelaki dan tiga wanita.

Di **Johor Baharu** pula, polis memberkas 101 pendatang tanpa izin termasuk lapan rakyat Thai sejak operasi dilancarkan polis semalam.

Ketua Cawangan Khas Daerah, Timbalan Penguasa Mutalib Hashim mengetuai kira-kira 70 anggota termasuk anggota Pasukan Polis Hutan (PPH) dan sepasukan pegawai imigresen dalam operasi yang bermula pada pukul 6 petang semalam dan berakhir pukul 3 pagi ini.

TPP Mutalib memberitahu, hampir 3,000 pekerja asing yang kebanyakannya rakyat Indonesia diperiksa di kawasan Projek Taman Skudai Baru Fasa 1 dan 3 serta kawasan pembinaan utama di pinggir bandar ini.

Seramai 93 orang daripada mereka adalah rakyat Indonesia yang gagal menunjukkan surat pendaftaran manakala lapan rakyat Thai didapati tidak mempunyai permit kerja sebagai buruh binaan serta tempoh kebenaran tinggal di negara ini sudah tamat.

Mereka kemudian dibawa ke Balai Polis Skudai sebelum dihantar ke kem tahanan sementara di Pontian.

Di **Kuala Lumpur**, 38 orang warganegara asing ditahan oleh polis sejak operasi itu dilancarkan awal pagi semalam sehingga petang ini.

Dalam operasi terbaru awal pagi ini, dua pendatang tanpa izin keturunan Indonesia termasuk seorang lelaki yang menyerah diri secara sukarela ditahan oleh sepasukan polis dari Daerah Sentul.

Operasi tersebut yang disertai oleh 25 anggota dari Balai Polis Sentul, 35 anggota Batalion Ke-10 PPH Kuantan diketuai oleh Timbalan Ketua Polis Daerah, Penolong Penguasa, (PP) Ramli Iwan.

Sebanyak 178 pendatang tanpa izin termasuk empat rakyat India dan seorang dari Myanmar diperiksa dalam operasi empat jam bermula kira-kira pukul 1 pagi ini.

Antara kawasan terlibat ialah kawasan perumahan di Taman Melati, Taman Sri Rampai, Lorong Tun Ismail dan Sentul Pasar.

Lelaki pertama ditahan di sebuah banglo lama yang dijadikan 30 buah bilik kediaman bagi para pekerja projek pembinaan di Lorong Tun Ismail.

Dia gagal menunjukkan sebarang dokumen terutama permit kerja yang sah.

Sebanyak 68 orang mendiami banglo berkenaan termasuk seorang bayi berusia empat bulan.

Sementara lelaki kedua pula menyerah diri kepada polis yang menjalankan operasi di Jalan Sentul kira-kira pukul 2.30 pagi. Lelaki itu dilaporkan menyerah diri selepas majikannya tidak membayar gaji kepadanya.

Apa yang memeranjatkan pihak berkuasa dalam operasi itu ialah bagaimanakah salah seorang penghuni banglo lama itu boleh memiliki kad pengenalan baru (KPT).

Di **Selangor**, sepuluh orang pendatang tanpa izin telah ditahan setakat ini dalam operasi yang dilancarkan sejak awal pagi semalam.

Operasi pertama dijalankan di Daerah Ampang di mana beratus orang telah disoal siasat, tetapi akhirnya 10 orang telah ditahan kerana didapati sah tidak memiliki pendaftaran kerja.